



**OrphanCare Foundation (PPAB: 23/2012)**

No. 54, Jalan 5/60, Bukit Gasing, 46000 Petaling Jaya, Selangor, MALAYSIA

Tel +60 3 7770 1900 Fax +60 3 7780 1900

Email [admin@orphancare.org.my](mailto:admin@orphancare.org.my) URL [www.orphancare.org.my](http://www.orphancare.org.my)

Tax Exemption: (LHDN.01/35/42/51/179-6.7539)

## KENYATAAN MEDIA

### Isu kematian kanak-kanak 21 bulan akibat di dera ibu bapa angkat

---

Kami, selaku Pemegang Amanah Yayasan OrphanCare amat terkilan dan terkejut dengan berita kematian seorang kanak-kanak lelaki Muhammad Al Fateh Abdullah, 21 bulan di Hospital Sultanah Nora Ismail pada 11 Julai 2017. Berdasarkan laporan daripada pihak media, kanak-kanak malang ini dipercayai telah didera keluarga angkatnya yang mempunyai lapan orang anak kandung.

Untuk mengelakkan perkara tragik ini daripada berlaku, OrphanCare membuat saringan ke atas setiap pasangan dan keluarga yang mendaftar sebagai ibu bapa angkat sebelum mereka disenaraikan di dalam senarai menunggu kami.

Di OrphanCare, proses saringan atau tapisan dilakukan secara komprehensif termasuk temu bual secara bersemuka, menganjurkan Bengkel Keibubapaan serta pemeriksaan berkala untuk pra dan pasca pengangkatan. Pekerja sosial kami akan mengendalikan lawatan pasca pengangkatan secara berkala ke rumah ibu bapa angkat untuk memastikan anak-anak angkat ini dibawah jagaan yang baik dan menawarkan perkhidmatan kaunseling kepada ibu bapa angkat dan anak-anak angkat untuk memastikan tiada masalah dalam kes pengangkatan di bawah kendalian kami.

Jika terdapat sebarang bentuk penderaan fizikal mahupun emosi oleh ibu bapa angkat, anak-anak ini seharusnya diasingkan buat sementara waktu sehingga siasatan selesai dan Pekerja Sosial dapat mengesahkan bahawa keluarga angkat membuktikan komitmen dan tanggungjawab mereka dan bersedia untuk pemeriksaan secara berkala oleh pekerja sosial yang berkelayakan.

Kisah malang kematian Allahyarham Muhammad Al Fateh Abdullah mungkin boleh dielakkan sekiranya Prosedur Operasi Standard (SOP) diimplementasi seperti yang dilakukan oleh Yayasan OrphanCare.

YAYASAN ORPHANCARE

Untuk pertanyaan media, sila hubungi Anis di talian 03-7773 2930

Untuk mengetahui mengenai Yayasan OrphanCare dengan lebih lanjut, sila ke laman sesawang kami di [www.orphancare.org.my](http://www.orphancare.org.my)